

KUALA LUMPUR, 16 JUN (BERNAMA) -- BUKU-BUKU SEJARAH MENGENAI NEGARA DAN TOKOH-TOKOH LAMA, TERUTAMA YANG MENGANDUNGI FAKTA ASAL USUL, PERLU DIPERBANYAKKAN DI MALAYSIA DEMI MENEGAKKAN IDENTITI BANGSA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, DENGAN MEMPERBANYAKAN PERBENDAHARAAN ASAL USUL SEJARAH BEGINI, IA BOLEH MEMBERI PENDEDAHAN DAN MENYEDARKAN BANGSA MENGENAI PERLUNYA MEREKA MENGEKALKAN IDENTITI BANGSA.

SEMASA BERUCAP MELANCARKAN BUKU +SUNGAI KOROK WAN MAT SAMAN+ KARYA TAN SRI MOHAMED ZAHIR ISMAIL DI SINI, BELIAU BERKATA BUKU-BUKU SEPERTI ITU TIDAK SEMESTINYA PERLU DITULIS SECARA TERUS DALAM BENTUK SEJARAH TETAPI BOLEH MENGGUNAKAN PENDEKATAN LEBIH RINGAN SEPERTI DRAMA.

BUKU TAN SRI MOHAMED ZAHIR YANG DITULIS DALAM BENTUK SEBUAH DRAMA ITU, MENGISAHKAN BAGAIMANA PERDANA MENTERI KEDAH PADA ABAD KE 19, WAT MAT SAMAN, BERUSAHA MENGADAKAN PROJEK MEMBINA TERUSAN SEPANJANG 36KM TANPA BANTUAN TEKNOLOGI MODERN.

PERDANA MENTERI YAKIN, SEJARAH NEGARA DAPAT DIPERKENALKAN DENGAN LEBIH BERKESAN MELALUI CARA PENULISAN SEDEMIKIAN KERANA IA DAPAT MENARIK LEBIH RAMAI PEMBACA DAN KEKAL DALAM INGATAN MEREKA. --LAGI
1827MST 16 06 88

U 0001 BAH

MAHATHIR-BUKU 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA NEGARA MASIH KEKURANGAN BUKU-BUKU YANG MENEKANKAN KEPADA PERISTIWA SEJARAH YANG BOLEH MEMPERKENALKAN KEJAYAAN BANGSA PADA MASA LAMPAU KEPADA MASYARAKAT.

USAHA MEMPERKENALKAN IDENTITI BANGSA CARA INI BUKANLAH UNTUK MENEPUK DADA TETAPI SEBAGAI SATU LANGKAH MEMPERKUATKAN SEMANGAT DAN PERPADUAN DI KALANGAN BANGSA ITU SENDIRI, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI CONTOH BAGAIMANA SEMASA PERJUANGAN MENENTANG PENUBUHAN MALAYAN UNION DAHULU, PEMENTASAN DRAMA MERUPAKAN SATU CARA UNTUK MENIUPKAN SEMANGAT PERPADUAN DAN PERJUANGAN KE ARAH INI.

BELIAU MEMUJI USAHA TAN SRI MOHAMED ZAHIR YANG BERANI MENULIS SEJARAH BANGSA MELAYU DALAM BENTUK DRAMA INI KERANA IANYA BUKAN SUATU PERKARA YANG MUDAH.

SPEAKER DEWAN RAKYAT YANG BERASAL DARIPADA KEDAH ITU, DALAM UCAPANNYA BERKATA, BUKU +SUNGAI KOROK WAN MAT SAMAN+ ITU LAHIR KERANA RASA KAGUM BELIAU TERHADAP USAHA WAN MAT SAMAN YANG BERUSAHA MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR UNTUK INDUSTRI PADI NEGERI ITU TANPA BANTUAN ALAT TEKNOLOGI MODERN.

TERUSAN SUNGAI KOROK DIBINA DENGAN TENAGA MANUSIA PADA TAHUN 1885 DAN SIAP PADA TAHUN 1895 SEWAKTU PEMERINTAHAN SULTAN ABDUL HAMID HALIM SHAH.

KATANYA, INILAH PERTAMA KALINYA BELIAU MENCUBA MENGARANG DALAM BENTUK RINGAN.

SEBELUM INI, TAN SRI MOHAMED ZAHIR BANYAK MENYUMBANGKAN ARTIKEL DALAM BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS DI AKHBAR DAN MAJALAH TEMPATAN. -- BERNAMA

1832MST 16 06 88